

## SYARAT-SYARAT LESEN SEMENTARA.

1. Setiap lesen sementara yang dikeluarkan oleh majlis perbandaran selayang adalah sah bagi tempoh tidak melebihi 6 bulan dari tarikh ianya dikeluarkan.
2. Satu lesen boleh dilanjutkan bagi tempoh tidak melebihi enam bulan selanjutnya atas permohonan secara bertulis oleh pemohon pada atau sebelum tarikh akhir tempoh enam bulan yang pertama.
3. Tempoh sah suatu lesen sementara hendaklah tidak melebihi tempoh dua belas bulan dari tarikh ianya dikeluarkan.
4. Pengeluaran lesen sementara ini bukanlah suatu 'hak' kepada pemohon untuk mendapatkan lesen kekal.
5. Lesen sementara yang dikeluarkan boleh dibatalkan dengan serta merta apabila permohonan bagi suatu lesen tidak diluluskan oleh MPS.
6. Pemegang lesen sementara perlu menyerahkan balik lesen nya kepada MPS apabila lesen itu telah tamat tempoh, digantung atau dibatalkan.
7. Pemegang-pemegang lesen sementara hendaklah sentiasa mematuhi peruntukan akta kerajaan tempatan 1976, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan semua undang-undang Kecil Majlis perbandaran Selayang yang dibuat dibawahnya serta segala syarat tambahan yang dikeluarkan oleh majlis perbandaran selayang dari semasa ke semasa termasuk pindaan-pindaan yang dibuat keatasnya.
8. Bayaran lesen sementara premis Tred/ perniagaan/iklan/penjaja hendaklah dibuat dengan segera untuk mengelakkan sebarang tindakan undang-undang diambil keatas tuan.
9. Lesen sementara yang dikeluarkan adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti di dalam surat kelulusan.
10. Pemegang-pemegang lesen sementara hendaklah sentiasa mempamerkan lesen premis di tempat yang mudah dilihat bagi memudahkan kerja-kerja penguatkuasaan dilaksanakan oleh pihak MPS.
11. Pelekat lesen sementara yang dibekalkan hendaklah dlekatkan di hadapan premis yang mudah dilihat dari bahagian luar.
12. MPS boleh menurut budi bicaranya menggantung/membatal/ enggan membaharui lesen sementara tanpa member sebarang sebab.